

Bil. S 23

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERUNTUKAN DARI KUMPULANWANG KEMAJUAN, 2005

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 22/04) bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal-Fasal (3) dan (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Peruntukan dari Kumpulanwang Kemajuan, 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan April, 2005.

Pengeluaran dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan ratus juta ringgit (\$900,000,000.00) dari Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
801	Pertanian	\$14,889,600.00
802	Perhutanan	\$11,072,828.00
803	Perikanan	\$16,497,042.00
804	Kemajuan Perusahaan	\$26,299,027.00
805	Perdagangan dan Kemajuan Usahawan	\$6,117,823.00
806	Pendidikan	\$54,178,572.00
807	Jalan Raya	\$67,374,218.00
808	Penerbangan Awam	\$3,112,180.00
809	Laut dan Pelabuhan	\$4,861,371.00
810	Elektrik	\$56,725,739.00
811	Telekom	\$32,646,814.00
812	Radio Televisyen Brunei	\$24,332,399.00
813	Perkhidmatan Pos	\$5,228,773.00
814	Perumahan Kerajaan	\$7,037,978.00
815	Perubatan dan Kesihatan	\$16,245,880.00
816	Kebersihan	\$33,414,874.00
817	Pembekalan Air	\$44,113,856.00
818	Kemudahan Awam dan Projek Alam Sekitar	\$26,451,361.00
819	Bangunan Awam	\$68,118,263.00
820	Perumahan Negara	\$84,651,106.00
821	Hal Ehwal Ugama	\$1,428,000.00
822	Kajian Kemungkinan	\$15,758,596.00
823	Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi	\$83,155,741.00

JADUAL — sambungan

[1]	[2]	[3]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
824	Sumber Tenaga Manusia dan Sains dan Teknologi	\$15,721,907.00
825	ABDB Bolkiah	\$914,628.00
826	ABDB Penanjong	\$8,047,709.00
827	ABDB Muara	\$37,026,000.00
828	Projek Rampaian ABDB	\$42,608,400.00
829	Projek Pulau Muara Besar	\$2,970,000.00
830	Polis	\$6,873,199.00
831	Pengaliran Air	\$42,973,188.00
832	Simpanan Gagasan	\$38,238,300.00
833	Kemajuan Tapak	\$914,628.00
		\$900,000,000.00

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 30 haribulan Mac, 2005 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM